

25 AUG 1999

Bebas

LIM GUAN ENG DIBEBAHKAN DARIPADA PENJARA KAJANG

KAJANG, 25 Ogos (Bernama) -- Bekas anggota Parlimen Kota Melaka dan timbalan setiausaha agung DAP Lim Guan Eng dibebaskan daripada Penjara Kajang hari ini selepas menjalani tempoh setahun daripada hukuman penjara 18 bulannya kerana kesalahan menghasut dan fitnah.

Guan Eng dibawa keluar daripada penjara dengan sebuah van penjara yang diiringi sebuah kereta polis peronda pada kira-kira pukul 7.50 pagi ke satu destinasi yang tidak diketahui di bandar Kajang.

Para pemberita yang membuat liputan pembebasan beliau kemudian mendapat tahu Guan Eng telah dibawa ke sebuah hotel berhampiran.

Satu jam selepas beliau meninggalkan penjara, kira-kira 2,000 penyokong yang membawa sepanduk dengan diiringi persembahan tarian singa, paluan kompang dan pukulan tabla, berkumpul di luar penjara untuk menyambut Guan Eng.

Pada kira-kira pukul 9 pagi, Guan kembali semula dengan kereta Mercedes Benz bapanya Lim Kit Siang untuk bertemu dan berucap pada para penyokongnya di luar pintu masuk utama penjara itu.

Guan Eng, seorang anggota Parlimen selama tiga penggal, memulakan hukuman penjara pada 26 Ogos apabila rayuannya terhadap pensabitan mengikut Akta Hasutan dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, ditolak oleh Mahkamah Persekutuan.

"Saya amat terharu dengan sambutan yang merangsangkan untuk saya pagi ini," kata Guan Eng yang kelihatan riang dan sihat, berucap di atas kereta itu.

Guan Eng memberitahu orang ramai yang berkumpul bahawa walaupun berada dalam penjara selama setahun, "semangat Malaysian Malaysiannya tidak hilang."

Katanya ini adalah kali kedua beliau dipenjarakan, yang pertama 12 tahun lalu apabila beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) berikutan isu keruntuhan Multi-Purpose Cooperative MCA.

Meminjam kata-kata pemimpin kulit hitam Amerika yang dibunuh, Martin Luther King Jr, Guan Eng memberitahu mereka bahawa "impiannya" juga adalah "satu hari nanti akan wujud keadilan bagi semua rakyat Malaysia."

"Saya akan memberitahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa saya tidak akan melepaskan impian ini dan saya sanggup masuk ke dalam untuk kali ketiga bagi Malaysian Malaysia," katanya.

Tidak ramai polis yang berada di luar penjara itu dan tiada insiden yang tidak diingini dilaporkan.

Kemudian, pada satu persidangan berita di ibu pejabat DAP di Petaling Jaya, Guan Eng menafikan bahawa beliau adalah seorang "chauvinis perkauman".

Beliau mendakwa dituduh sebagai chauvinis Cina kerana mempertahankan pendidikan China dan hak pendeposit Multi-Purpose Cooperative MCA.

Mengenai masa depannya, Guan Eng berkata beliau tidak boleh bertanding pada pilihan raya umum akan datang "tetapi saya perlu melakukan banyak perkara untuk parti pada pilihan raya umum terakhir abad ini."

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa seseorang yang didenda RM2,000 dan ke atas atau dipenjarakan 12 bulan tidak layak bertanding pada pilihan raya umum selama lima tahun mulai tarikh beliau dibebaskan atau jika hukuman itu dalam bentuk denda, ia bermula dari tarikh denda itu dikenakan.

Turut hadir pada persidangan berita itu ialah Kit Siang, pengerusi DAP

Dr Chen Man Hin, Pesuruhjaya PAS Selangor Haji Mosinun Tahir dan wakil-wakil Parti Keadilan Nasional dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Mereka yang berkumpul di luar penjara sebelum ini, turut berada di ibu pejabat DAP semasa persidangan berita itu.

--BERNAMA

YBK MEO NAK